

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN ER TECK HWA  
[ BAKRI ]**

**RUJUKAN : 7297**

**SOALAN:**

**Tuan Er Teck Hwa [ Bakri ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah pekerja asing dalam negara ketika ini mengikut bidang pekerjaan, negara asal, jumlah yang telah pulang ke negara asal, jumlah datang semula dan yang melanggar undang-undang Malaysia.

## **JAWAPAN:**

**Jumlah pekerja asing yang memegang Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) yang masih sah dan aktif sehingga 14 September 2014 adalah seramai 2,058,048 orang. Jumlah ini mewakili pekerja asing yang digaji secara sah dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PLKS) oleh Jabatan Imigresen Malaysia. Jumlah ini juga adalah termasuk jumlah PATI yang telah diputihkan dan dikeluarkan PLKS di bawah Program 6P.**

**Pecahan pekerja asing mengikut 5 negara tertinggi sehingga 14 September 2014 adalah seperti berikut :**

<b>1. Indonesia</b>	<b>827,869 orang</b>
<b>2. Nepal</b>	<b>456,491 orang</b>
<b>3. Bangladesh</b>	<b>300,682 orang</b>
<b>4. Myanmar</b>	<b>143,803 orang</b>
<b>5. India</b>	<b>109,823 orang</b>

**Manakala pecahan mengikut sektor bagi tempoh sehingga 14 September 2014 adalah seperti berikut :**

<b>1. Perkilangan</b>	<b>737,332 orang</b>
<b>2. Pembinaan</b>	<b>417,163 orang</b>
<b>3. Perladangan</b>	<b>312,870 orang</b>
<b>4. Perkhidmatan</b>	<b>259,873 orang</b>
<b>5. Pertanian</b>	<b>165,763 orang</b>
<b>6. Pembantu Rumah</b>	<b>165,047 orang</b>

**Jumlah pekerja asing yang telah pulang ke negara asal bagi tahun ini sehingga 14 September 2014 adalah seramai 170,802 orang. Secara umumnya jumlah warga asing termasuk pekerja asing yang melanggar Akta Imigresen Malaysia 1959/63 dan Peraturan-Peraturan Imigresen 1963 yang direkodkan oleh Jabatan Imigresen bagi tahun ini sehingga 23 September 2014 adalah seramai 23,038 pekerja asing.**